

Semoga \$500,000 terkumpul bantu pelarian Syria di Turkey



HULUR BANTUAN: Encik Nassir mengunjungi selatan Turkey untuk meninjau keadaan pelarian Syria di sana dan merintis usaha mengumpul dana bagi mengurangkan penderitaan pelarian. - Foto ihsan MOHAMED NASSIR ABDUL SUKKUR

SATU usaha yang sedang dijalankan di sini bagi membantu pelarian Syria di Turkey berharap dapat mengumpulkan \$500,000 tahun ini melalui pelbagai acara.

Kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) itu dijalankan Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX) bersama sebuah pusat pengajian Islam di sini, As Siddiq, yang lebih popular dengan nama laman webnya, *SimplyIslam*.

Ia telah memperoleh permit daripada pihak berkuasa bagi menjalankan kutipan dana itu serta menjalin hubungan kerjasama dengan sebuah agensi bantuan kemanusiaan di Turkey, Kimse Yok Mu (KYM).

Menurut pengasas *SimplyIslam*, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, sejak dimulakan lewat tahun lalu Asrit telah mengumpulkan \$130,000.

Dana itu digunakan bagi membantu sekitar 5,000 pelarian dengan memberi mereka keperluan harian seperti selimut dan makanan, dan keperluan pendidikan kanak-kanak.

Namun, kata Encik Nassir, masih banyak yang boleh dilakukan bagi membantu lebih 600,000

pelarian Syria di Turkey, dan Asrit menyasarkan mengumpul \$500,000 tahun ini.

Antara usaha yang akan dijalankan ialah kutipan derma khas anjuran Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) dari esok hingga 10 April, termasuk di kesemua 69 masjid di Singapura.

Syria dilanda perang saudara sejak lebih tiga tahun lalu dan lebih 2.5 juta rakyatnya telah melarikan diri mendapatkan perlindungan di negara seperti Turkey, Jordan, Lebanon, Iraq dan Mesir.

Menurut Encik Nassir, beliau mendapati Turkey menawarkan sekitaran sesuai dan selamat bagi rakyat Singapura membantu pelarian Syria di sana.

Beliau mengunjungi Kilis, sebuah bandar dekat sempadan Syria di selatan Turkey, November lalu, dan terharu melihat nasib pelarian, khususnya kanak-kanak, di khemah-khemah pelarian di sana.

"Rumah mereka telah musnah, sebilangan kanak-kanak pula menghadapi trauma setelah melihat anggota keluarga mereka terkorban di depan mata mereka. Mereka kini

diberi sokongan oleh badan-badan kebajikan di Turkey," katanya.

Terdorong bertindak bagi membantu mengurangkan kesengsaraan mereka, Encik Nassir bekerjasama dengan MEX, yang di bawah Angkatan Karyawan Islam (AMP), bagi mengumpul dana dan mengenal pasti KYM bagi menyelaraskan usaha kemanusiaan Asrit di Turkey.

Keadaan kucar-kacir dan peperangan di Syria menyukarkan usaha mengirim bantuan langsung kepada mangsa di negara itu atau khemah pelarian di negara lain, ujar beliau.

Selain tabung di masjid, derma anjuran RLAF boleh juga diberi dalam bentuk tunai dan cek yang ditujukan kepada 'RLAF' dan ditulis 'Special Collection in Aid of Syrian Refugee' di belakangnya.

Ia boleh dikirimkan ke Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) di Hab Islam Singapura, No. 273 Braddell Road, Singapura 579702.

Derma boleh juga dibuat secara dalam talian melalui laman www.muis.gov.sg/epayment/Donations.aspx.

Orang ramai boleh menghubungi Asrit.sg bagi maklumat lanjut.